

TARIKH	14 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	30	RUANGAN	setempat



BERJASA...Jamil Khir (dua dari kanan) beramah mesra dengan sebahagian agensi yang terbabit dalam operasi haji.

## Kompleks baru TH siap 2015

**K**UALA LUMPUR: Pembinaan Kompleks Tabung Haji (TH) baru di Sepang, Selangor yang sebelum ini ditangguhkan berikutan beberapa masalah dijangka dapat disiapkan pada 2015 dan seterusnya memulakan operasinya bagi menggantikan fungsi dan peranan Kompleks TH di Kelana Jaya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, pembinaan kompleks itu di Sepang sepatutnya disiapkan tahun depan namun terpaksa ditangguhkan kerana berdepan beberapa kekangan.

"Bagaimanapun, penangguhan yang berlaku akibat masalah membabitkan perintah pembinaan, pembekalan air serta masalah berkaitan teknikal kini berjaya diatasi dan projek pembinaan sudah dimulakan.

"Pembinaan kompleks baru itu sudah dimulakan pada 2010 akan memberi kemudahan yang cukup selesa kepada jemaah haji," katanya pada sidang media selepas menghadiri Majlis Kesyukuran Tamat Operasi Haji 2012 (1433 Hijrah) di Lembaga Tabung Haji di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Uru-

san Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail, Pengurus Lembaga TH, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor, Pengurus Besar Kanan TH, Datuk Syed Saleh Syed Abdul dan Wakil Duta Besar Arab Saudi di Malaysia, Abdul Rahman Al Dayel.

Majlis itu bagi menghargai sumbangan pihak yang menjayakan operasi haji di Malaysia dan Tanah Suci bagi 2012 termasuk lebih 300 petugas dan wakil 33 agensi dan syarikat swasta.

Sebelum ini, Jamil Khir pada majlis pecah tanah kompleks itu dua tahun lalu berkata, kompleks berkenaan dibina berdekatan dengan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dengan peruntukan RM303 juta juga terletak berhampiran masjid dan mempunyai jarak perjalanan ke KLIA yang singkat.

Katanya, kompleks baru itu menjanjikan keselesaan yang maksimum dengan disediakan ruang yang lebih luas berbanding kompleks di Kelana Jaya yang mempunyai keluasan yang agak terhad dan mengakibatkan kesesakan pada musim haji.